

Kayveas tendang saya dari belakang – Keng Yaik

UM-18/3/2007

KUALA LUMPUR 17 Mac - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik menyifatkan tindakan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M. Kayveas mahu terus mempertahankan kerusi Parlimen Taiping sebagai kacang lupakan kulit.

Beliau berkata, Kayveas langsung tidak mengenang jasa baik Gerakan yang menawarkan kerusi Parlimen itu kepada PPP untuk ditandingi oleh Kayveas pada pilihan raya umum 2004.

“Walaupun kami mencatat rekod kemenangan di Taiping lapan penggal berturut-turut sejak 1969 tetapi atas permintaan Perdana Menteri dan Menteri Besar Perak, kami memberinya kepada PPP.

“Budi baik kita bagaimanapun tidak mendapat penghargaan daripada Kayveas, tindakan beliau menimbulkan isu kerusi Parlimen Taiping bagaikan menendang saya dari belakang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti terakhirnya di sini, hari ini.

Ditanya mengenai pendirian Gerakan dalam kerusi Parlimen Taiping, Keng Yaik berkata, isu tersebut tidak timbul kerana keputusan mengenainya hanya boleh dibuat oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN).

“Jika BN arahkan saya lepaskan kerusi Parlimen Taiping, saya akan mengikuti arahan itu,” jelasnya.

Mengenai soal pemboikotan terhadap PPP pula, Keng Yaik menjelaskan, partinya tidak akan mengambil tindakan itu.

“Pemuda Gerakan sebelum ini hendak boikot Kayveas dan bukan partinya, tetapi saya telah mengarahkan semua sayap Gerakan tidak mengambil sebarang tindakan boikot.

“Sebagai parti yang berdisiplin, kami memilih untuk berdiam diri dan tidak akan mengulas isu yang sama pada masa depan,” jelasnya.

Pemimpin Gerakan itu juga menolak cabaran Kayveas pada semalam untuk meletak jawatan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi yang dipegangnya sejak tahun 2004.

“Mengapa saya nak letak jawatan, adakah ia bertujuan membolehkan Kayveas mengambil alih jawatan itu,” katanya.